

25/05/2000

Dr Ling cuti dua minggu (HL)

Ebi Azly Abdullah; Teh Kean Kiat

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Ling Liong Sik (gambar kiri) berkata, beliau akan bercuti selama dua minggu dan akan membuat keputusan muktamad mengenai peletakan jawatannya sebagai Menteri Pengangkutan, sekembalinya daripada bercuti.

Beliau yang sepatutnya menyerahkan surat peletakan jawatan itu kepada Perdana Menteri sebelum mesyuarat Kabinet pagi ini, dinasihatkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya memikirkannya secara mendalam terlebih dulu.

Katanya, Perdana Menteri meminta beliau menimbang semula peletakan jawatannya selepas melihat reaksi pelbagai pihak di seluruh negara, termasuk pemimpin dan akar umbi parti itu yang tidak bersetuju dengan keputusan berkenaan.

"Dr Mahathir memberitahu saya walaupun beliau bersetuju dengan saya minggu lalu bahawa saya boleh meletak jawatan, selepas melihat reaksi berkenaan beliau berpendapat saya tidak harus berhenti... sebaliknya meneruskan tugas dan meminta saya menyimpan surat (peletakan jawatan) itu.

"Kata Perdana Menteri, ambil cuti dua minggu dan fikirkan keputusan ini baik-baik, selepas itu baru buat keputusan. Jadi itulah pendirian saya buat masa ini," katanya kepada pemberita di pejabatnya, di sini hari ini.

Hadir sama tiga Naib Presiden MCA iaitu Datuk Seri Ong Ka Ting; Datuk Dr Fong Chan Onn dan Datuk Chua Jui Meng.

Beliau yang juga Presiden MCA menemui Perdana Menteri selama 15 minit sebelum mesyuarat Kabinet bermula pagi ini, untuk menyerahkan surat peletakan jawatan daripada Kabinet.

Sejak mengumumkan hasrat untuk bersara daripada Kabinet Isnin lalu, beliau dihujani pelbagai permintaan dan desakan pelbagai pihak supaya menarik balik keputusannya itu.

Dr Ling berkata, beliau akan memohon cuti itu tidak lama lagi dan akan memutuskan sama ada untuk menghabiskan cutinya di Malaysia atau luar negara.

"Saya memberi jaminan akan memberi perhatian mendalam terhadap pelbagai pesanan dan cadangan yang dikemukakan oleh pihak berkenaan ketika bercuti nanti," katanya.

Ditanya sama ada perkembangan terbaru itu bermakna beliau mungkin menimbang semula keputusan untuk bersara, beliau berkata: "Saya tidak mahu membuat spekulasi... buat masa ini, keputusan asal (untuk berhenti) masih kekal."

Mengenai siapa yang akan memangku jawatan Menteri Pengangkutan ketika beliau bercuti, Dr Ling berkata perkara itu akan diputuskan oleh kerajaan.

Beliau juga berkata, Pengerusi MCA negeri akan merasmikan konvensyen MCA negeri yang akan bermula akhir minggu ini, jika beliau sudah mula bercuti.

Presiden MCA itu yakin keputusannya untuk bersara tidak akan memberi kesan kepada peluang Barisan Nasional (BN) untuk memenangi kerusi Parlimen Teluk Kemang.

"Saya akan berada di sana untuk membantu kempen BN, jika diperlukan," katanya.

Mengenai kritikan pihak tertentu bahawa peletakan jawatan berkenaan hanya bertujuan untuk mendapatkan tambahan kerusi menteri bagi MCA, Dr Ling berkata dalam mana-mana isu pun, mesti ada pihak yang tidak bersetuju dengan penjelasan yang diberi.

Ditanya mengenai pandangan pihak tertentu bahawa ketiadaannya akan

menjejaskan usaha mempromosikan pelabuhan di negara ini, beliau berkata:  
"Tidak ada sesiapa pun yang terlalu berharga sehingga tidak boleh  
digantikan."

(END)